

**HUBUNGAN DI ANTARA KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN
GURU DI DAERAH DENGAN EFIGASI LARUT,
MATANG DAN SELAMA, PERAK**

ANANDAN A/L MUNIANDY

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kemahiran keusahawanan dengan efikasi guru. Kemahiran keusahawanan telah dibahagikan kepada empat kategori yang utama, iaitu kemahiran pengurusan, kemahiran teknikal, kemahiran generik dan kemahiran pemasaran. Kajian ini hanya dijalankan ke atas guru-guru sekolah menengah kebangsaan yang mengajar mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan di Daerah Larut, Matang dan Selama, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan borang soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu A dan B. Sampel kajian ini terdiri daripada 130 orang guru sekitar di Daerah Larut, Matang dan Selama. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferen. Ujian Korelasi Pearson, Ujian Regresi Berbilang dan Analisis Faktor digunakan untuk menganalisis soalan-soalan kajian yang dibina. Kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran keusahawanan dengan efikasi guru. Efikasi seseorang guru dapat diukur daripada kemahiran keusahawanan yang dimilikinya. Maka, kemahiran keusahawanan merupakan elemen yang penting bagi meningkatkan efikasi seseorang guru. Dapatan ini diharap dapat memberikan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang modul pengajaran yang sesuai kepada guru-guru pelatih dalam bidang keusahawanan mengikut keperluan semasa dan masa depan. Selain itu, dapat membantu dalam pemilihan calon guru yang paling sesuai untuk mengajar pendidikan keusahawanan. Di samping itu, dapat memastikan guru-guru yang dipilih adalah berkualiti dan mampu meningkatkan martabat profesion perguruan.

RELATIONSHIP BETWEEN THE ENTREPRENEURIAL SKILLS WITH TEACHERS' EFFICACY IN THE DISTRICT OF LARUT, MATANG AND SELAMA, PERAK.

ABSTRACT

The purpose this study was to identify the relationship between entrepreneurial skills with teacher efficacy. Entrepreneurial skills have been divided into four main categories, namely, management skills, technical skills, generic skills and marketing skills. The study was only conducted on teachers who teach secondary school subjects Trade and Entrepreneurship in the District of Larut, Matang and Selama, Perak. This study uses a survey method that involves a questionnaire which is divided into two parts, A and B. The study sample consisted of 130 teachers from around the District Larut, Matang and Selama. Data were analyzed using descriptive statistics and statistical inference. Pearson Correlation test, Multiple Regression Test and Factor Analysis was used to analyze the research questions are built. The findings of this study can be concluded that there is a significant relationship between entrepreneurial skills with teacher efficacy. Efficacy of a teacher can be measured from their entrepreneurial skills. Thus, entrepreneurial skills are an important element to enhance the efficacy of a teacher. This finding of this study also are expected to provide guidance to the Ministry of Education in designing appropriate teaching modules to teacher trainees in the field of entrepreneurship in accordance with the current and future needs. Besides that, it can help in the selection of the most suitable and prospective teachers to teach entrepreneurship education. In addition, to ensure that the selected teachers are able to step up their quality and prestige of the teaching profession.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x

SENARAI LAMPIRAN	xii
-------------------------	-----

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.7.1 Pemilihan Calon Guru	13

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
1.7.2 Bahagian Pengurusan Guru 13				
1.7.3 Kementerian Pendidikan Malaysia 14				
1.7.4 Perkembangan Ilmu Literatur 15				
1.8 Skop Kajian 16				
1.9 Batasan Kajian 16				
1.10 Kerangka Konseptual 17				
1.11 Definisi Operasi 18				
1.11.1 Keusahawanan 18				
1.11.2 Kemahiran Pengurusan 19				
1.11.3 Kemahiran Teknikal 19				
1.11.4 Kemahiran Generik 19				
1.11.5 Kemahiran Pemasaran 20				
1.11.6 Kemahiran Keusahawanan 20				
1.11.7 Efikasi Guru 20				
1.12 Rumusan 21				

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 22				
2.2 Keusahawanan 22				
2.2.1 Pendidikan Keusahawanan 26				
2.3 Teori Berkaitan 30				
2.3.1 Teori Sosial Bandura 31				
2.3.2 Teori Palmer 35				
2.3.3 Teori KeGum 46				
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi

2.4 Kerangka Teori	49
2.4.1 Pembentukan Hipotesis Kajian	50
2.5 Rumusan	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	54
3.2 Reka Bentuk Kajian	55
3.3 Lokasi Kajian	55
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	57
3.5 Instrumen Kajian	59
3.6 Kajian Rintis	61
3.6.1 Kebolehpercayaan dan Kesahan	65
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	67
3.8 Prosedur Penganalisisan Data	71
3.9 Rumusan	74

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	75
4.2 Analisis Data Deskriptif	76
4.3 Analisis Inferensi	80
4.3.1 Analisis Faktor Pemboleh Ubah	80

4.3.2 Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan	84
4.3.3 Analisis Korelasi	87
4.3.4 Analisa Regrasi Berbilang	93
4.4 Rumusan	96

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	97
5.2 Ringkasan Kajian	98
5.3 Perbincangan	101
5.4 Implikasi Kajian	107
5.5 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	108
5.6 Kesimpulan	110

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Analisis Keputusan Peperiksaan SPM bagi Mata Pelajaran P&K Dalam Daerah LMS, Perak.	8
3.1 Senarai Nama Sekolah dan Bilangan Guru	56
3.2 Senarai Nama Sekolah dan Bilangan Sampel	58
3.3 Skala Likert	60
3.4 Pembinaan Kertas Soal Selidik	61
3.5 Pekali Saiz Cronbach's Alpha	67
3.6 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Sebenar	67
3.7 Proses Kutipan Data	69
3.8 Kategori Analisa Min dan Tahap Pelaksanaan	71
3.9 Pekali Korelasi	73
4.1 Analisis Kekerapan Demografi	77
4.2 Jadual Faktor Pemboleh Ubah	81
4.3 Jadual Saiz Sample	82
4.4 Jadual Ujian KMO dan Bartlett's	83
4.5 Jadual Jumlah Varians	84
4.6 Jadual Nilai Cronbach Alpha Pemboleh Ubah	85
4.7 Nilai Min Pemboleh Ubah	86
4.8 Pekali Korelasi antara Pemboleh Ubah	87
4.9 Hubungan Kemahiran Pengurusan dengan Efikasi Guru	88
4.10 Hubungan Kemahiran Teknikal dengan Efikasi Guru	89


 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
4.11 Hubungan Kemahiran Generik dengan Efikasi Guru				90
4.12 Hubungan Kemahiran Pemasaran dengan Efikasi guru				91
4.13 Hubungan Kemahiran Keusahawanan dengan Efikasi Guru				92
4.14 Ujian Regrasi				93
4.15 Ujian Anova (a)				94
4.16 Pekali Regrasi Berbilang				94
4.17 Ringkasan Dapatan Kajian				95

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	17
2.1 Gabungan Model-Model Kajian	49
3.1 Carta Alir Pengumpul Data	70

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis Of Variance</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DR	Doktor
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KeGUM	Kemahiran Generik Usahawan Malaysia
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LMS	Larut, Matang dan Selama
LPKM	Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i>
P&K	Perdagangan Dan Keusahawanan
PHD	<i>Doctor Of Philosophy</i>
PKS	Perusahaan Kecil Dan Sederhana
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPU	Program Perintis Usahawan
RMK 10	Rancangan Malaysia Ke-10
SPM	<i>Sijil Pelajaran Malaysia</i>



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang soal selidik
- B Surat kebenaran menjalankan penyelidikan oleh KPM
- C Surat kebenaran menjalankan penyelidikan oleh JPN
- D Surat kebenaran menggunakan soal selidik
- E Surat pengesahan item soalan
- F Senarai sekolah yang di lawati secara peribadi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832

1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Malaysia adalah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum yang sentiasa berusaha untuk bergerak ke hadapan. Pada tahun 1991 Wawasan 2020 telah diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad untuk mencapai status negara maju dalam semua aspek yang terdiri daripada bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan mengikut acuan sendiri (Rohmah, 2013). Hasrat Wawasan 2020 diteruskan oleh YAB Dato' Seri Haji Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak melalui agenda Transformasi negara supaya negara kita berubah wajah dengan menjadi sebuah negara yang menjana pendapatan tinggi. Ia merupakan satu cabaran dan tanggungjawab berat yang perlu diharungi oleh rakyat Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Justeru itu, Kaplan (2010) menggambarkan bahawa usahawan merupakan

individu yang penting dalam membawa perubahan ke atas ekonomi sesebuah negara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Ia menjadi sebagai pemangkin dalam mengubah landskap ekonomi diri, keluarga, negara dan dunia. Keadaan ini kita dapat lihat dari tahap pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang pesat berlaku, di rantau ini adalah lebih bergantung kepada aktiviti keusahawanan. Menurut Warren (2010) pula usahawan merupakan tulang belakang bagi pembangunan dan perkembangan ekonomi sesebuah negara dan beliau juga menyatakan bahawa dengan permulaan dari perniagaan yang kecil dan sederhana, kemudian berkembang sehingga mewujudkan persekitaran yang lebih membantu kepada pertumbuhan perniagaan dan keusahawanan yang memberangsangkan. Seterusnya, usahawan juga perlu mempunyai daya kepimpinan yang tinggi, sanggup mengambil risiko dan mampu membina dan mengekalkan hubungan yang baik. Rohmah (2013) menyatakan bahawa dalam usaha sesebuah negara dianggap maju sekiranya mempunyai sekurang-kurangnya 2% orang penduduknya yang terdiri



05 daripada usahawan



upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Lantaran itu, negara kita perlu mengorak langkah yang lebih agresif untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang memperoleh kemahiran yang optima untuk menceburi dalam bidang keusahawanan dengan tahap keyakinan yang tinggi. Berdasarkan Laporan Jabatan Perangkaan (2014), didapati bahawa terdapat 76,200 siswazah yang menganggur di Malaysia kerana tidak mempunyai kemahiran untuk mencari pekerjaan atau melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, sistem pendidikan yang komprehensif sangat diperlukan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti yang mampu menyumbangkan tenaga dan idea dalam pembangunan negara agar setanding dengan negara-negara maju.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Memang tidak dapat dinafikan bahawa untuk melahirkan modal insan yang memiliki keupayaan, yang dapat menerajui bidang-bidang yang baru dan mencabar serta mempunyai potensi yang tinggi memerlukan tenaga pendidik yang lengkap dengan ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, Benjamin (2010) menekankan bahawa negara Malaysia memerlukan tenaga pendidik yang memiliki pengetahuan yang menyeluruh dan mendalam tentang bidang kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan kepada pelajar-pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan untuk memenuhi keperluan semasa.

Dalam hal ini, pihak kerajaan telah menunjukkan kesungguhan dengan memasukkan agenda pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Justeru itu, ia sejajar dengan keperluan abad ke- 21 yang



memberi tumpuan terhadap pendidikan yang memerlukan kemahiran-kemahiran yang spesifik. Di samping itu, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pendidikan Malaysia Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin telah menyarankan supaya memberikan tumpuan dalam pembangunan modal insan yang berkualiti dari segi kemahiran teknikal dan pengetahuan secara individu.

Menurut Ahmad (2013) pula menyatakan bahawa melalui pendidikan yang formal dalam bidang keusahawanan dapat memberikan suntikan kesedaran, untuk memilih pekerjaan sendiri sebagai kerjaya. Justeru itu, pelajar akan berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Selain itu, menurut Akudolu (2010) pula berpendapat objektif utama pendidikan keusahawanan adalah untuk mengalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Oleh itu, beliau





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

melihat pendidikan keusahawanan dapat membantu pelajar dalam memupuk minda keusahawanan. Seterusnya, kemahiran yang diperoleh melalui pendidikan keusahawanan ini dapat digunakan untuk mengenal pasti peluang-peluang yang wujud, seterusnya melibatkan diri dan merancakkan pembangunan negara.

Gelombang pendidikan di negara kita turut mengalami perubahan yang agak drastik untuk mencapai tahap prestasi pendidikan setanding dengan peringkat antarabangsa. Di samping itu, kerajaan juga turut memberikan tumpuan yang khusus terhadap pendidikan keusahawanan supaya dapat menyumbangkan kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara serta rakyat dapat memiliki kehidupan yang lebih selesa. Malah kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menerapkan kepentingan bidang keusahawanan, menerusi pendedahan awal pendidikan yang



05



formal dan sistematik dari peringkat bangku sekolah lagi (Sarimah & Norlizah, 2010).

Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Oleh yang demikian, pelajar akan diajar dan diberikan pendedahan tentang keusahawanan supaya mereka dapat memperoleh pengalaman secara langsung untuk menjadi seorang pengusaha. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah perlu memberikan kebenaran kepada pelajar yang mengikuti pendidikan keusahawanan untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan di peringkat sekolah bagi mendapatkan pengalaman secara praktikal. Langkah ini, merupakan pengalaman yang berharga bagi pelajar walaupun mereka mungkin tidak menjadi seorang usahawan selepas pendedahan awal ini. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memainkan peranan yang penting untuk mendidik dan mencungkil bakat-bakat pelajar yang terpendam dari peringkat sekolah rendah lagi ke arah keusahawanan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia pendidikan keusahawanan telah didedahkan melalui pendidikan formal dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah selama tiga tahun yang bermula dari darjah empat hingga darjah enam dan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup peringkat sekolah menengah kebangsaan harian secara berperingkat yang bermula dari tahun 2012, iaitu di bawah mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) yang bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) merupakan salah satu mata pelajaran bersifat amali yang dapat melatih pelajar-pelajar dengan kemahiran asas untuk menghasilkan sesuatu projek secara kreatif dan inovatif. Malah mampu



05 membimbing pelajar-pelajar berdikari dan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. Seterusnya, kemahiran yang dipelajari di peringkat menengah rendah dikembangkan ke peringkat menengah atas iaitu semasa di tingkatan 4 dan 5 melalui mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan (P&K).

Pendidikan P&K telah diperkenalkan di Malaysia sejak 60an lagi, cuma penekanan yang lebih tinggi diberikan pada tahun 1979 melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet. Malah, mata pelajaran ini ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bagi pelajar-pelajar aliran Sastera Ikhtisas. Namun demikian, pendekatan dan kandungan sukatan pelajaran bagi mata pelajaran P&K adalah lebih menjurus ke arah menceburi bidang keusahawanan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Mata pelajaran ini ditawarkan terutamanya kepada pelajar-pelajar yang memperoleh keputusan yang sederhana dan rendah dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) (Azizi Yahaya, Nor'ani dan Raja, 2012). Oleh itu, guru merupakan elemen yang paling penting dalam mentransformasikan segala kemahiran yang diperlukan oleh pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, guru bertindak sebagai nadi dalam pembangunan pendidikan yang menghadapi cabaran yang hebat pada era globalisasi tanpa sempadan ini.

Di Malaysia terdapat sebanyak 2,376 buah sekolah menengah termasuk sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan mengikut Perangkaan Pendidikan Malaysia bagi tahun 2014. Bilangan sekolah-sekolah ini dapat menampung seramai 2,257,869 orang murid untuk menimba ilmu pengetahuan di sekolah Menengah Kerajaan dan



05



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

bantuan kerajaan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, mengikut data di Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun 2014 terdapat seramai 181,747 orang guru yang bertanggungjawab untuk mendidik murid-murid tersebut. Oleh yang demikian, efikasi guru-guru adalah sangat penting dalam melahirkan modal insan kelas pertama di persada antarabangsa mengikut kemahiran dalam bidang masing-masing (Azwan 2005). Maka, guru-guru tersebut perlu mempunyai kemahiran pendidikan keusahawanan secara mendalam dan mampu menyesuaikan diri dalam tugasannya pun di dalam atau di luar bilik darjah.

Menurut Miller dan Alliance (2009) pula guru harus mempunyai pengetahuan

yang komprehensif tentang kandungan mata pelajaran yang diajar. Selain itu, mampu menghubungkaitkan proses pembelajaran harian kepada pengalaman dunia yang sebenar. Mereka juga turut menyatakan bahawa guru-guru yang berjaya menamatkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kursus tertentu bersedia untuk melakukan proses pengajaran dalam bilik darjah pada hari pertama persekolahan dimulakan.

Berdasarkan sumber yang diperoleh daripada Pejabat Daerah Pendidikan Larut, Matang dan Selama (LMS), Perak, didapati bahawa pada tahun 2014 sebanyak 23 buah sekolah daripada 34 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Harian menawarkan mata pelajaran P&K. Namun demikian, saban tahun apabila keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan pencapaian pelajar masih tidak berada pada tahap yang memberangsangkan iaitu hanya memperoleh pencapaian yang sederhana di sekitar 66% hingga 78 % bagi secara keseluruhan manakala gred yang cemerlang pula masih di bawah 10% dalam (SPM), keadaan ini agak mengecewakan dan membimbangkan semua pihak. Justeru itu, guru dan pihak pentadbir perlulah mengambil langkah yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia khususnya dalam mata pelajaran P&K.

1.3 Pernyataan Masalah

Di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, setiap pelajar pada tingkatan 5 diwajibkan menduduki peperiksaan awam iaitu Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia (LPKM) bagi semua sekolah menengah kebangsaan harian untuk menilai tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang diduduki. Didapati bahawa pencapaian pelajar dalam mata pelajaran P&K agak tidak memberangsangkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dalam Daerah LMS. Berikut adalah analisis pencapaian peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan:

Jadual 1.1

Analisis Keputusan Peperiksaan SPM Bagi Mata Pelajaran Perdagangan Dan Keusahawanan Dalam Daerah LMS, Perak.

Tahun	Peratus Kelulusan	Peratus Cemerlang
		(A+/A A-)
2009	65.86	4.20
2010	68.67	7.30
2011	69.61	5.32
2012	70.46	6.93
2013	72.06	6.70
2014	77.22	7.15

Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang Selama

Jadual di atas menunjukkan pencapaian murid dalam peperiksaan SPM bagi mata pelajaran P&K yang menunjukkan pencapaian yang sederhana. Didapati bahawa pencapaian bagi mata pelajaran ini secara keseluruhan masih di bawah 80%. Merujuk kepada jadual di atas pencapaian bagi daerah tersebut adalah di sekitar 66% hingga 78%, manakala bilangan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang adalah di antara 4.2% hingga 7.15%. Rumusan secara keseluruhan, pencapaian masih di bawah 80% walaupun ada sedikit peningkatan setiap tahun dan bagi peratus keputusan cemerlang pula masih di bawah 10%. Dalam hal ini, ia jelas menggambarkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

pencapaian keputusan yang sederhana dan tidak begitu konsisten terutamanya peratus pelajar memperoleh keputusan yang cemerlang.

Erma (2014) menekankan bahawa pencapaian murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran pengajaran guru. Pencapaian yang sederhana yang ditunjukkan menerusi jadual 1.1 di atas membuktikan pengajaran guru tidak memberi impak yang kuat ke atas murid. Pengajaran yang berkualiti sukar dilaksanakan sekiranya pendidik tidak memperoleh kemahiran yang diperlukan bagi cabang ilmu yang pelajarinya. Lantaran itu, beliau juga menyarankan supaya tenaga pengajar harus menguasai isi kandungan kurikulum dan mahir dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, tenaga pengajar perlulah mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar seperti kerja



05



berkumpulan, perbincangan, kajian kes, simulasi dan teknik penyelesaian masalah.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi

Dwyer (1995), pula menyatakan bahawa perubahan telah berlaku terhadap masyarakat, oleh itu sistem pendidikan dan latihan juga harus menjurus ke arah perubahan ini. Di samping itu, menurut Boyles dan Collage, (2012) latihan perguruan bagi guru-guru yang terlibat dalam bidang pendidikan keusahawanan harus menguasai elemen-elemen keusahawanan dengan lengkap untuk menyangut cabaran dan keperluan generasi ini. Sementara Nurul Izzati (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa guru-guru masih kurang berpengetahuan tentang ilmu keusahawanan. Justeru itu, beliau juga menekankan tentang tahap efikasi guru masih rendah dalam melahirkan pelajar yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Kemahiran keusahawanan merangkumi empat komponen kemahiran utama iaitu kemahiran pengurusan, kemahiran teknikal, kemahiran generik dan kemahiran pemasaran.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Sehubungan dengan itu, latihan ikhtisas perguruan yang dipraktikkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Universiti yang menawarkan program pendidikan perlu memastikan supaya benar-benar dapat menghasilkan guru yang berkualiti tinggi sehingga memperolehi kemahiran secara holistik. Menurut Hassan (2010), untuk melahirkan guru yang mempunyai efikasi yang tinggi perlu dilatih pada peringkat awal lagi iaitu semasa berada di IPG. Menurut beliau pencapaian akademik sahaja tidak mencukupi untuk menjadi seorang guru yang berkesan. Sebaliknya, menurut beliau guru-guru perlu menguasai pelbagai kemahiran yang diperlukan dalam bidang keusahawanan selain daripada melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Di antara kemahiran yang diperlukan adalah kemahiran mengurus, berkomunikasi, inovasi, kepimpinan, penyelesaian masalah dan berani mengambil keputusan yang rasional. Di samping itu, guru perlu memiliki kebolehan dalam mengendalikan aktiviti



di luar bilik darjah yang menjurus ke arah bidang keusahawanan dan sentiasa membaiki prestasi peribadi dalam semua aspek. Akhirnya, dapat membentuk serta menghasilkan pelajar yang mampan sehingga dapat menguasai ilmu kemahiran keusahawanan mengikut peredaran zaman yang semakin terbuka langitnya.

Menurut Sufean (2014) didapati bahawa guru-guru mata pelajaran P&K yang ditempatkan di sekolah-sekolah harian hanya mengikuti pendidikan dan latihan ikhtisas iaitu ilmu pedagogi mengikut pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil.1 tahun 1987. Latihan ini, merupakan pendidikan yang memberi penekanan kepada pengetahuan akademik semata-mata. Seterusnya, guru-guru ini akan ditempatkan di sekolah-sekolah harian biasa untuk mencerahkan ilmu yang dipelajari kepada muridnya. Justeru itu, ia merupakan kajian asas pada peringkat awal untuk





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

mengenal pasti hubungan di antara kemahiran keusahawanan dengan efikasi guru dalam daerah LMS, Perak.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti kemahiran keusahawanan yang menjadi keutamaan dalam kalangan guru daerah Larut, Matang dan Selama, Perak.
2. Menentukan hubungan antara elemen-elemen kemahiran keusahawanan dengan efikasi guru dalam kalangan guru daerah Larut, Matang dan Selama, Perak.

1.5 Persoalan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1. Apakah kemahiran keusahawanan yang menjadi keutamaan dalam kalangan guru daerah Larut, Matang dan Selama, Perak?
2. Adakah wujud hubungan antara kemahiran pengurusan terhadap efikasi dalam kalangan guru daerah Larut, Matang dan Selama, Perak?
3. Adakah wujud hubungan antara kemahiran teknikal terhadap efikasi dalam kalangan guru daerah Larut, Matang dan Selama, Perak?
4. Adakah wujud hubungan antara kemahiran generik terhadap efikasi dalam kalangan guru daerah Larut, Matang dan Selama, Perak?
5. Adakah wujud hubungan antara kemahiran pemasaran terhadap efikasi dalam kalangan guru daerah Larut, Matang dan Selama, Perak?
6. Adakah wujud hubungan antara kemahiran keusahawanan terhadap efikasi dalam kalangan guru daerah Larut, Matang dan Selama, Perak?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi